

**UCAPAN ALUAN**  
**DATO PROF. DR. ZUL AZHAR ZAHID JAMAL NAIB CANSELOR UniMAP**  
**SEMPENA ANUGERAH TOKOH SISWA 2017**  
**22 SEPTEMBER 2018, DI**  
**DEWAN ILMU, KAMPUS UniMAP PAUH PUTRA**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

“Raja Berdaulat, Rakyat Berilmu, Negeri Sejahtera, Perlis Maju”

Salam Ilmu Keikhlasan Kecemerlangan UniMAP

**SALUTASI DIRAJA**

Mengadap Raja Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail merangkap Canselor UniMAP dan Raja Puan Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah, merangkap Pro-Canselor UniMAP.

Patik merafak sembah menjunjung kasih atas perkenan Tuanku berdua meluangkan masa bercemar duli di Majlis Anugerah Tokoh Siswa 2017 pada malam yang gilang gemilang ini.

Sesungguhnya keberangkatan Duli Tuanku menunjukkan sokongan dan keprihatinan terhadap program Kementerian Pendidikan Malaysia serta UniMAP dan pastinya memberi suntikan semangat buat seluruh patik sekalian. Patik dan sekalian hadirin amat berbesar hati dengan keberangkatan Duli Tuanku memeriahkan Majlis malam ini.

Ampun Tuanku, patik mohon limpah perkenan Duli Tuanku untuk memberi sepatah dua kata kepada para hadirin. Ampun Tuanku.

## **SALUTASI**

**Yang Berhormat Dr. Mazlee Malik, Menteri Pendidikan Malaysia,**

**Yang Berbahagia Dato' Kamel Mohamad, Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan Kementerian Pendidikan Malaysia,**

**Yang Berbahagia Datin Paduka Ir Dr Siti Hamisah Tapsir, Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi , Jabatan Pendidikan Tinggi,**

**Yang Berbahagia Dato' Dr Mohd Sofi Osman, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP),**

**Yang Berbahagia Naib-naib Canselor, Timbalan-timbalan Naib Canselor,**

**Ketua-ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri,**

**Yang Dihormati Pegawai-pegawai Kanan Kementerian dan Institusi Tinggi,**

**Yang Diraikan Calon-calon Anugerah Tokoh Siswa 2017**

**Seterusnya Tuan-tuan dan Puan-puan, hadirin yang dikasihi sekalian,**

## **ALUAN KATA**

1. Alhamdulillah, ucapan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah Azza Wajalla, kerana dengan izin dan limpah inayahNya, dapat kita berhimpun di majlis yang penuh bermakna ini bagi meraikan pencapaian pelajar sepanjang 2017.

2. Bagi pihak warga kerja UniMAP, saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Dr. Mazlee Malik** atas kesudian hadir ke majlis malam ini.
3. Sesungguhnya, kehadiran Yang Berhormat Menteri dan membuktikan sokongan padu Kementerian Pendidikan Malaysia kepada UniMAP. Alhamdulillah.
4. Saya juga berterima kasih kepada jawatankuasa yang terlibat dalam pengajuran majlis ini. Sesungguhnya kerjasama dan komitmen yang kalian berikan amatlah dihargai.

Hadirin dan hadirat sekalian,

#### **UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**

5. Izinkan saya menceritakan sedikit mengenai UniMAP. Ia ditubuhkan 17 tahun lalu dengan amanah melahirkan insan kamil yang menyumbang kepada agenda pembangunan dan daya saing industri negara, khususnya dalam bidang kejuruteraan. Dari hanya 116 pelajar, kini, bilangan itu sudah mele过asi 15 ribu orang.
6. Berkat usaha staf dan sokongan padu daripada KPM, pelbagai pencapaian dalam bidang akademik, penyelidikan, sukan, dan kebudayaan telah terhasil.
7. Hampir 17,000 graduan UniMAP kini bertebaran di dalam dan luar negara menyumbang khidmat dan bakti kepada masyarakat setempat dan antarabangsa. Peratus keboleh pasaran graduan Universiti ini - dalam masa 6 bulan selepas majlis konvokesyen - secara konsistennya mele过asi 90% sejak beberapa tahun lalu.

8. Dalam ‘subject ranking QS’, UniMAP pada tahun ini dinobatkan antara 450 universiti terbaik dunia dalam bidang kejuruteraan dan teknologi. Bagi universiti yang muda usianya, ini satu pencapaian yang membanggakan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

### **UniMAP DAN TVET**

9. Sebagai mana diketahui umum, Kerajaan sedang giat meningkatkan usaha memartabatkan Pendidikan dan Latihan Vokasional Teknikal (atau singkatannya TVET) di negara ini. Ini kerana lepasan jurusan TVET amat diperlukan bagi mengharungi fenomena Revolusi Industri 4.0 yang kini melanda dunia.
10. Di UniMAP, kita menawarkan program pengajian ‘high-TVET’ yang disasarkan menepati kehendak industri. Program ‘high-TVET’ ini mengandungi sekurang-kurangnya 40 peratus kandungan praktikal dalam kurikulumnya. Ia selebihnya dipenuhi pengisian teori kejuruteraan serta cabang-cabang ilmu lain yang berkaitan.
11. Mahasiswa UniMAP dididik dan dibimbing agar menyerlahkan potensi sehingga dapat berbakti secara optimum kepada nusa dan bangsa. Mereka bakal meneraju negara sebagai teknologis, saintis, jurutera, usahawan, dan pemimpin, insyaa Allah.
12. UniMAP sedar akan tanggungjawab memakmurkan Malaysia dan mendepani pelbagai cabaran masa kini, khususnya yang berkaitan dengan ekonomi digital dan Revolusi Industri 4.0. Kerana itulah kita bekerja keras

memastikan graduan yang dilahirkan memiliki ilmu dan kemahiran yang relevan, dan memenuhi kehendak agenda perindustrian negara.

13. Pada malam ini, kita berbesar hati meraikan beberapa tokoh pelajar yang saya kira merupakan sampel kecil daripada seluruh populasi siswa-siswi university yang berpotensi amat tinggi menyerlahkan keupayaan dan kecemerlangan sehingga diakui kehebatan mereka.
14. Semoga anugerah yang bakal digalas ini akan meningkatkan lagi kesungguhan siswa-siswi menimba ilmu, membangunkan minda, dan mencurahkan bakti kepada bangsa, agama dan negara.
15. Namun, nasihat saya, janganlah menganggap kejayaan ini milik kalian semata. Ia sebenarnya milik ramai orang yang telah membantu menjadikan kalian pelajar yang berjaya. Bersyukurlah kepada Tuhan, dan jangan sesekali bersifat sompong disebabkan pencapaian ini. Sebaliknya, jadilah manusia yang merendah diri. Turutilah resemi padi - makin berisi, makin tunduk. InsyaaAllah kejayaan yang lebih tinggi akan menyusul nanti.

Hadirin dan hadirat sekalian,

## **PENUTUP**

16. Sebelum mengakhiri ucapan, saya sekali lagi mengucapkan ucapan terima kasih kepada YB Menteri serta dif-dif kehormat yang hadir. InsyaaAllah kami bersedia melakukan yang apa juu yang terbaik untuk merealisasikan impian menjadikan Malaysia sebuah negara terbilang dalam bidang pendidikan.

Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.